

RAMALAN CUACA		Ibu negeri Malaysia				HARI INI				ESOK			
		HARI INI		ESOK		PAGI		PETANG		PAGI		PETANG	
			MIN	MAKS									
Kangar			25°	32°									
Alor Setar			24°	32°									
Georgetown			24°	32°									
Ipoh			24°	33°									
Kuala Lumpur			24°	33°									
Shah Alam			24°	33°									
Seremban			24°	33°									
Putrajaya			24°	33°									
Melaka			24°	33°									
Johor Bahru			24°	33°									
Kota Bharu			25°	33°									
K Terengganu			24°	32°									
Kuantan			24°	33°									
Kota Kinabalu			25°	33°									
Kuching			24°	33°									

BAH MELANDA

20 MURID TADIKA KECUT PERUT

■ Pusat pembelajaran dinaiki air semeter

Shah Alam: Sebuah bot kecil terpaksa digunakan untuk memindahkan seramai 20 murid sebuah tadika di Lorong Lautan Samudera, Bandar Puncak Alam di sini, selepas premis itu dinaiki air sedalam lebih satu meter lewat petang semalam.

Hujan lebat hampir tiga jam bermula sejak jam 4 petang itu menyebabkan kawasan berkenaan serta beberapa lokasi lain di Meru, Banting dan Batu Arang turut dilanda banjir kilat.

Penolong Pengarah Ope-

rasi Bomba dan Penyelamat Selangor Mohd Sani Harul berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan daripada pengendali tadika itu yang memaklumkan kejadian banjir kilat itu.

"Sepasukan anggota bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat Bestari Jaya ber-gas ke lokasi kejadian dan mendapati banjir sudah menenggelamkan kawasan itu.

"Anggota bomba dengan bantuan penduduk bertindak memindahkan murid tadika itu membabitkan 10 lelaki

dan 10 perempuan ke kawasan yang lebih selamat.

"Malah lima guru di tadika berkenaan turut dipindahkan berikutan banjir semakin dalam. Beberapa rumah penduduk turut dinaiki air dan penghuninya dinasihatkan berpindah," katanya.

Menurutnya, pusat pemindahan sementara turut dibuka di surau berdekatan bagi menempatkan mangsa yang terdampak dalam bencana itu.

"Jumlah mangsa yang dipindahkan belum diketahui setakat ini memandangkan ia baru dibuka dan diselia," katanya.


BANJIR kilat yang berlaku akibat hujan lebat pada jam 4 petang hingga 7 malam, semalam.



ANGGOTA bomba menyelamatkan murid tadika yang terperangkap dalam banjir di Bandar Puncak Alam, semalam.



SEBUAH kenderaan meredah banjir yang dianggarkan



KEADAAN kenderaan yang tenggelam akibat banjir kilat di kawasan perumahan Shah Alam 2, Puncak Alam, semalam.

